


Bahagian A**[60 markah]**Jawab **semua** soalan di bahagian ini.

- 1 (a) Rajah 1 menunjukkan keluk kemungkinan pengeluaran sebuah ekonomi.



Rajah 1

Jelaskan keadaan kombinasi pengeluaran di titik B.

[3 markah]

- (b) Maklumat berikut berkaitan dengan satu peranan kerajaan dalam satu sistem ekonomi:

KUALA LUMPUR – Campur tangan kerajaan menerusi subsidi dan kawalan harga telah membantu mengekang inflasi di Malaysia yang tanpanya negara mungkin mencatatkan angka lebih tinggi berbanding inflasi keseluruhan 4.4 peratus pada Julai, kata ahli-ahli ekonomi.

Sumber diubah suai: <https://www.astroawani.com/berita-bisnes/30-Ogos-2022>

Mengapa kerajaan mengambil tindakan tersebut?

[5 markah]

- (c) Jadual 1 menunjukkan penawaran terhadap beg galas.

Harga (RM)	Kuantiti Ditawar (unit)	
	Firma A	Firma B
10	20	10
30	35	25

Dengan menggunakan kertas graf, lukiskan keluk penawaran pasaran dan jelaskan pembentukannya.

(KERTAS GRAF DIKEPILKAN DI BELAKANG KERTAS SOALAN)

[6 markah]

- (d) Jadual 2 menunjukkan perubahan kuantiti diminta bagi suatu jenis barang.

Harga (RM)	Kuantiti diminta (unit)
15	90
25	60

Firma wajar menaikkan harga barang dari RM15 ke RM25 untuk meningkatkan jumlah hasilnya. Buktikan.

[6 markah]

- 2 (a) Maklumat berikut berkaitan dengan satu kemudahan bank perdagangan.

Encik Amri seorang pemilik pasaraya yang mempunyai akaun semasa di Bank Sentosa. Beliau bercadang membuat pinjaman kerana mengalami masalah aliran tunai untuk menambah stok modal.

Selamat mengulangkaji dari telegram@soalanpercubaanspm
Ekonomi K2 Pulau Pinang 2023